



# Aku & Buku

**Editors:**  
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



# Aku & Buku




**Editor:**

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

**Penerbit:**

*UiTM Cawangan Kedah*

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

# Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

**eISBN:** 978-967-2948-81-0

**Diterbitkan oleh:**

Universiti Teknologi MARA  
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

**Editor:**

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



# Kandungan

## Tajuk

## Muka Surat

### Kata Pengantar

### Kata Aluan

### Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



# Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.


Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,  
**Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali**  
**Noor 'Izzati Ahmad Shafiai**





# Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

## **Unit Penerbitan**

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai  
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah  
Nurfarisya Hafiz  
Berlian Nur Morat  
Nor Asni Syahriza Abu Hassan  
Syakirah Mohammed  
Hajjah Sharina Saad  
Mas Aida Abd Rahim  
Syazliyati Ibrahim  
Abdul Majeed Ahmad

## **Penyunting**

Berlian Nur Morat

## **Pereka Layout & Grafik**

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



# Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



## Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual

**Putra Faizurrahman Zahid, Nurul Syaqirah Zulqernain, Nik Suriati Nik Hassan**  
Universiti Teknologi MARA Caw. Kelantan

Di sebuah negeri utara semenanjung Malaysia, di sebuah perpustakaan yang sunyi, terdapat seorang pelajar bernama Putra yang gemar membaca buku-buku ekonomi. Buku-buku di dalam bidang ini biasanya tidak mendapat bacaan yang banyak di kalangan pelajar universiti tempat beliau belajar. Tetapi bidang ekonomi adalah suatu hiburan dan ilmu yang penting kepada beliau. Setiap hari, dia akan menghabiskan waktu di perpustakaan itu berseorangan, membaca, merenung dan menghayati setiap halaman buku ekonometrik dengan penuh minat. Buku-buku ekonometrik biasanya mempunyai aplikasi teori yang bersifat persamaan dan matematik. Terdapat juga pelbagai buku ekonometrik yang berlandaskan teori semata tanpa pengiraan. Putra menjadikan buku-buku ini sebagai bacaan dan rujukan untuk membuat tugas kursus, juga untuk mengisi masa lapang. Bagi beliau, membaca buku ekonometrik amat mendamaikan dan memberi ketenangan. Setiap hari, beliau bertukar-tukar bacaan buku bermula dari peringkat asas hinggalah peringkat yang rumit. Terdapat pelbagai topik buku seperti aplikasi ekonometrik, Persamaan Linear, Estimasi Terbaik dan Regresi Umum. Namun, di antara buku-buku itu, ada satu buku yang amat menarik perhatiannya iaitu sebuah buku ekonometrik yang berjudul "Residual Cinta".

Buku berwarna merah jambu itu tidak seperti buku-buku lain walaupun mempunyai saiz dan berat yang agak standard. Mempunyai kulit keras dan setebal lebih 300 muka surat. Secara ringkasnya ia mengisahkan kisah cinta yang rumit antara seorang ahli ekonomi dan seorang gadis matematikawan yang bertemu dalam dunia akademik yang penuh dengan kolokium dan konferensi penyelidikan. Mereka terjalin dalam hubungan yang dipenuhi dengan persamaan-persamaan rumit dan variabel-variabel boleh ubah dan tetap yang tidak dapat dinafikan amat signifikan dalam menjawab hipotesis alternatif dimana cinta itu wujud. Meskipun semuanya rumit dan bertimbun maklumat, di sebalik itu semua, terdapat kekuatan cinta yang menggerakkan segalanya. Perhubungan kedua pasangan di dalam penceritaan cinta mereka jelas menunjukkan korelasi yang tinggi dan amat serasi.

Di dalam penceritaan buku tersebut, ahli ekonomi tersebut terpujau dengan kecantikan gadis matematikawan di dalam sebuah pusat temu sebuah fakulti yang amat besar, beliau bergegas untuk mendapatkan tentang mata dengan gadis tersebut sambil mengeluarkan *QR Code Whatsapps* untuk bertukar nombor telefon. Tetapi gadis itu agak menjual mahal dan hanya memberikan *Instagram* miliknya. Benarlah cinta sejati itu tidak mudah, anggap si ahli ekonomi tersebut. Dengan usaha yang berterusan, beliau menabur kata-kata cinta dengan taburan normal dan rendah kurtosisnya, tanpa kecodongan kiri mahupun ke kanan, akhirnya hati, jantung dan pankreas gadis itu berjaya direbut.

Cerita cinta mereka berdua tak selalunya indah. Bak kata pepatah, korelasi hubungan tak semestinya bermaksud penyebab. Ada suatu ketika didalam perjalanan hubungan mereka, meskipun mesra dan dipaliti cinta, tetap ada dugaannya. Ahli ekonomi tersebut ditukarkan tempat kerja di luar negara dan ini menjadikan hubungan mereka sukar dan amat mencabar. Komitmen kerja, jarak perhubungan dan jumlah pendapatan yang berbeza-beza telah

menimbulkan konflik kointegrasi yang membawa kesan limpahan perasaan yang pelbagai, yang akhirnya memberi kesan jangka masa panjang.

Ahli ekonomi tersebut ingin memberi penyelesaian bijak kepada perhubungan yang dia amat sayangi ini. Beliau mengkaji jika terdapat permasalahan unit akar kepada perhubungan ini. Mungkin terdapat beberapa perkara yang dianggap sebagai pembolehubah tetap yang mengganggu vektor linear yang boleh dibetulkan dan diharapkan tidak mengganggu ketepatan perhubungan mereka berdua. Setelah melakukan analisa ketara dimana terdapat variabel yang berbeza secara signifikan dari sudut pandangan mata mereka berdua, perhubungan jarak jauhlah yang perlu dikeluarkan dari persamaan perhubungan mereka agar tidak wujud autokorelasi dengan pembolehubah cinta.

Pengakhiran cerita cinta mereka berdua sangat indah. Mereka berdua akhirnya berkahwin dan dikurniakan anak seramai 3 orang. Rupa anak-anak mereka saling tak tumpah seperti muka ibu bapa mereka, yang memungkinkan multikolineariti antara mereka berlima. Mereka berlima bahagia didalam sebuah rumah yang besar, sebesar darjah kebebasan dalam menolak kesalahan didalam hipotesis nol, iaitu tiada cinta diantara mereka.


Putra amat terpesona dengan penceritaan dalam buku itu. Penceritaan itu ditulis dengan amat teratur dan indah sekali meskipun hanya cerita yang agak biasa mana-mana judul novel cinta yang boleh didapati di kedai buku terkemuka. Beliau sendiri hairan bagaimana jabatan perpustakaan di tempat beliau membaca buku tersebut berjaya mendapatkan perolehan untuk membeli buku sedemikian walhal ianya tidak berjudul akademik sepenuhnya. Ia juga mencetus idea dimana Putra merasakan sama ada buku tersebut dihadiahkan ke perpustakaan, ataupun ianya berlaku kesilapan semasa pemilihan perolehan buku secara tender. Buku tersebut amat berbeza dengan buku-buku lain yang terdapat di seksyen ekonomi di perpustakaan tersebut. Setiap kali dia membacanya, dia merasakan getaran yang aneh di hatinya. Hatinya berdegup kencang dan tercari-cari masa untuk membaca dan menghabiskan bacaan tersebut. Dia merasakan seperti ada sesuatu yang lebih mendalam yang tersembunyi di balik kata-kata dan ayat cinta yang ditulis oleh penulis misterius itu. Putra mula merasakan keinginan untuk mencari dan mengambil tahu siapakah penulis sebenar buku "Residual Cinta".

Meskipun bacaan buku tersebut berjumlah lebih 300 muka surat, Masih terdapat beberapa tanda tanya yang belum terjawab. Dengan tekad yang kuat, Putra mula menyelidik dan mengikuti petunjuk-petunjuk yang tersembunyi dalam buku itu. Buku itu tidak mudah untuk dijadikan sekadar bahan bacaan, tetapi terdapat beberapa ayat dan persamaan yang memberi dua makna dalam suatu masa. Beliau mencari dan membaca kali kedua dengan memegang intipati halus untuk memahami maksud kedua dan beliau terjerumus ke dalam dunia yang penuh misteri dan keajaiban, di mana cinta dan ilmu ekonomi bertemu dalam satu perpaduan yang unik. Persamaan linear dan hipotesis-hipotesis yang ada sebenarnya menerangkan sesuatu maksud yang lain, jika difahami dari falsafah dan makna yang berbeza. Beliau meneruskan bacaan dan mengambil nota untuk transkripsi data-data kualitatif menjadi sesuatu yang boleh ditentu-ukur secara kuantitatif. Setiap langkah yang diambilnya membawa beliau lebih dekat kepada kebenaran yang sebenar, dimana kebenaran itu menunjukkan penulis berhati mulia dan indah terhadap cinta.

Namun, semakin hari semakin Putra mendekati jawapan, semakin tinggi koefisien rintangan yang beliau hadapi. Ada pihak yang tidak mahu kebenaran itu terbongkar, dan mereka berusaha untuk menghalang beliau daripada mencapai matlamatnya. Pihak-pihak yang tidak bersefahaman dengan Putra ini mungkin mempunyai kepentingan dengan pihak perpustakaan, pihak polis bantuan dan penjual burger di tempat Putra menemui buku tersebut. Tetapi, dengan semangat yang tidak luntur dan padam, Putra terus berjuang untuk mencari dan menemui penulis sebenar buku "Residual Cinta" dan mengungkapkan misteri di sebalik kisah cinta yang penuh penghayatan itu.


Akhirnya, setelah melalui pelbagai cabaran dan dugaan, beliau berjaya menemui penulis sebenar buku "Residual Cinta". Dan di situlah dia menyedari bahawa penulis itu bukanlah orang asing, tetapi seorang yang telah lama beliau kenali iaitu teman tempat kerja yang selama ini masih solo dan juga mempunyai minat terhadap dirinya. Juga gadis itu diam-diam mencintainya. Berlainan dengan tajuk buku tersebut, cinta mereka bukanlah sekadar residual, tetapi sesuatu yang sejati dan infiniti.

Dengan penemuan itu, Putra menyedari bahawa cinta sejati sebenarnya tidak perlu dicari jauh-jauh, tetapi ia mungkin berada di sekeliling kita sendiri, menunggu untuk ditemui dan disarung cincin dijari. Dan sejak dari hari itu, Putra dan gadis penulis buku "Residual Cinta" mulai menulis kisah cinta mereka sendiri, yang lebih indah dan unik daripada apa yang pernah dibaca dalam buku-buku ekonometrik.



# Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

